

# Kompleks Angkasapuri bakal jadi pusat pelancongan media penyiaran

KUALA LUMPUR 2 April — Kompleks Angkasapuri yang menempatkan operasi siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan dibangunkan sebagai perkampungan dan pusat pelancongan media penyiaran dalam tempoh dua tahun lagi.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, kajian akan dijalankan untuk menaikkan taraf kemudahan yang terdapat di Angkasapuri selaras dengan hasrat untuk menjadikannya tempat pertemuan penyiar RTM, artis dan orang ramai.

Katanya, cadangan membangunkan Angkasapuri itu turut mendapat perhatian dan sokongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Kita sekarang hendak cuba menyesuaikan perkarangan (Angkasapuri) supaya bukan saja ada taman tetapi ia juga akan jadi tempat berkumpul para artis dan penyiar.

“Dengan itu, kalau ada pelawat datang ke sini, mereka boleh jumpa terus dengan penyiar dan artis.

“Tujuan kita ini ialah hendak menggalakkan lebih ramai pengunjung datang ke Angkasapuri,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran sambutan Hari RTM Ke-56 di Angkasapuri di sini, hari ini.

Menurutnya, rancangan membangunkan Angkasapuri ini turut mengambil kira penyediaan lebih banyak premis perniagaan, pengubahsuaian muzium serta auditorium dan studio rakaman rancangan terbitan RTM.

Beliau berkata, dinding cermin akan dipasangkan di studio dan auditorium bagi membolehkan orang ramai melihat proses rakaman dijalankan.

“Sekarang ini pun ada yang datang melawat, tetapi tak ada apa yang boleh mereka tengok. Inilah yang sedang kita kaji untuk menghidupkan lagi Angkasapuri,” jelasnya.